



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

12 FEBRUARI 2025 (RABU)

PGA Sarawak Rampas Makanan Sejuk Beku Tanpa Permit Bernilai RM3.8 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	11 Feb



Pelbagai makanan sejuk beku yang dirampas PGA di sebuah premis di Kota Samarahan awal pagi semalam. -FOTO: PGA

KUCHING: Pasukan Gerakan Am (PGA) Sarawak merampas 60,352 gram makanan sejuk beku tanpa permit bernilai RM3.8 juta dalam serbuan di sebuah premis di sini.

Komander Briged PGA Sarawak, Dr. Che Ghazali Che Awang berkata, serbuan pada 10.30 pagi semalam menemui stor penyimpanan makanan sejuk beku yang meragukan.

Jelasnya, pemeriksaan oleh sepasukan polis dari Cawangan Risik Batalion 11 PGA terhadap premis terbabit menjumpai pelbagai

jenis produk makanan sejuk beku yang disimpan dalam dua kontena.

Dalam serbuan itu juga, beliau berkata, dua lelaki berusia antara 31 dan 41 tahun yang dipercayai penjaga premis turut ditahan.

“Turut dirampas sebuah forklift yang dipercayai digunakan bagi menjalankan kerja pemunggahan stok makanan sejuk beku berkenaan.

“Semua yang dirampas

diserahkan kepada pihak Jabatan Veterinar Sarawak untuk tindakan dan siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 9 (1)(3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999,” katanya.

Beliau berkata, sepanjang pengoperasian Op Taring Briged Sarawak PGA yang dilaksanakan mulai 1 Januari hingga semalam, PGA Sarawak mencatatkan kejayaan rampasan bernilai RM70.4 juta dengan merekodkan sebanyak 42 kes.

“Semua kes ini membabitkan jumlah tangkapan seramai 82 individu membabitkan 65 warga tempatan dan 14 warga asing,” katanya.-

[BULETINTV3](#)

PGA Sarawak Rampas Lebih 60 Ribu Kilogram Makanan Sejuk Beku Tanpa Permit

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVS Sarawak	Berita	Online	11 Feb



Makanan sejuk beku yang dirampas polis menerusi satu serbuan di Kota Samarahan pada Isnin.
Foto PDRM

KUCHING, 11 Feb: Pasukan Gerakan Am (PGA) Sarawak menerusi Op Taring Chiller merampas kira-kira 60,352 kilogram makanan sejuk beku tanpa permit dalam serbuan di sebuah premis di Kota Samarahan.

Komander Briged Sarawak PGA, Dr Che Ghazali Che Awang berkata serbuan pada pukul 10.30 pagi Isnin itu menemui pelbagai jenis produk makanan sejuk beku yang disimpan di dalam dua kontena di premis tersebut.

“Pasukan serbuan (Batalion 11

PGA Kuching) menahan dua lelaki warga tempatan berumur antara 31 hingga 41 tahun.

“Turut dirampas sebuah kenderaan jenis forklift,” katanya menerusi kenyataan media hari ini.

Anggaran nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM3.8 juta mengikut harga pasaran.

Menurutnya, tangkapan dan rampasan telah diserahkan kepada pihak Veterinar Sarawak untuk tindakan dan siasatan lanjut.

Kesalahan dilakukan di bawah Seksyen 9(1)(3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999.

Sepanjang pengoperasian Op Taring Briged Sarawak PGA yang dilaksanakan dari 1 Januari hingga 10 Februari 2025, Briged Sarawak PGA telah mencatatkan kejayaan bernilai RM70.4 juta.

Operasi berkenaan merekodkan 42 kes melibatkan 82 orang yang ditangkap serta rampasan 35 kenderaan pelbagai jenis.-

[TVSARAWAK](#)

PGA Rampas Makanan Sejuk Beku Bernilai RM3.8 Juta di Kota Samarahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Online	11 Feb



Rampasan makanan sejuk beku yang disyaki tiada permit. - *Gambar PGA Briged Sarawak*

KUCHING: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak merampas pelbagai produk makanan sejuk beku dianggarkan bernilai RM3.8 juta di sebuah premis di Kota Samarahan pada Isnin.

Komander PGA Briged Sarawak SAC Dr Che Ghazali Che Awang berkata anggota dari Cawangan Risik Batalion 11 PGA telah menjalankan serbuan 'Op Taring Chiller' sekitar jam 10.30 pagi.

Menurutnya, makanan sejuk beku yang dijumpai dalam serbuan itu disyaki tiada

permit.

"Hasil pemeriksaan telah menemukan sebanyak 60,352 kilogram pelbagai jenis produk makanan sejuk beku yang disimpan di dalam dua kontena di premis tersebut.

"Pasukan serbuan kemudian bertindak merampas kesemua makanan sejuk beku tersebut serta sebuah kenderaan forklift (trak angkat susun) dengan keseluruhan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM3.8 juta iaitu mengikut harga pasaran," katanya

menerusi satu kenyataan.

Tambahnya, dua lelaki warga tempatan berusia 31 dan 41 tahun turut ditahan di premis tersebut untuk membantu siasatan.

"Tangkapan dan rampasan telah diserahkan kepada pihak (Jabatan Perkhidmatan) Veterinar Sarawak untuk tindakan dan siasatan lanjut," katanya.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 9(1)(3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999.

Sepanjang pengoperasian Op Taring PGA Briged Sarawak yang dilaksanakan mulai 1 Januari hingga semalam, PGA Sarawak mencatatkan kejayaan rampasan bernilai RM70.4 juta dengan merekodkan sebanyak 42 kes.

"Semua kes ini membabitkan jumlah tangkapan seramai 82 individu iaitu 65 warga tempatan dan 14 warga asing," kata Che Ghazali.-

[UTUSANBORNEO](#)

PGA Rampas Makanan Sejuk Beku Bernilai RM3.8 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	11 Feb



PELBAGAI makanan sejuk beku yang dirampas PGA di sebuah premis di Kota Samarahan awal pagi semalam. FOTO Ihsan PGA

Kuching: Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas 60,352 gram pelbagai makanan sejuk beku tanpa permit yang dianggarkan bernilai RM3.8 juta di sebuah premis di Kota Samarahan pagi semalam.

Komander Briged Sarawak PGA Dr Che Ghazali Che Awang berkata, operasi pada 10.30 pagi itu menemui lokasi penyimpanan bahan sejuk beku yang diragui statusnya.

"Pemeriksaan yang dijalankan oleh sepasukan polis dari Cawangan Risik Batalion 11 PGA itu ke atas

premis menjumpai pelbagai produk makanan sejuk beku yang disimpan dalam dua kontena di dalam premis," katanya dalam kenyataannya, hari ini.

Beliau berkata, serbuan yang dijalankan berjaya menahan dua lelaki warga tempatan berusia antara 31 dan 41 tahun yang dipercayai penjaga premis.

Katanya, turut dirampas sebuah forklift yang dipercayai digunakan bagi menjalankan kerja pemunggahan stok makanan sejuk beku berkenaan.

Katanya, tangkapan dan rampasan kemudiannya diserahkan kepada Jabatan Veterinar Sarawak untuk tindakan dan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 9 (1)(3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999.-

[MYMETRO](#)

PGA Sarawak Rampas Makanan Sejuk Beku RM3.8 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Kes	Online	11 Feb



Pelbagai makanan sejuk beku yang dirampas PGA di sebuah premis di Kota Samarahan, semalam. - Foto PGA Sarawak

KUCHING: Pasukan Gerakan Am (PGA) Sarawak merampas 60,352 gram pelbagai makanan sejuk beku tanpa permit yang dianggarkan bernilai RM3.8 juta di sebuah premis di Kota Samarahan.

Komander Briged PGA Sarawak, Dr Che Ghazali Che Awang berkata, operasi pada jam 10.30 pagi semalam itu menemui lokasi penyimpanan bahan sejuk beku yang diragui statusnya.

Katanya, pemeriksaan yang dijalankan oleh sepasukan

polis dari Cawangan Risik Batalion 11 PGA terhadap premis menjumpai pelbagai jenis produk makanan sejuk beku yang disimpan dalam dua kontena dalam premis.

Dalam serbuan itu juga, beliau berkata, dua lelaki berusia antara 31 dan 41 tahun yang dipercayai penjaga premis turut ditahan.

"Turut dirampas sebuah forklift yang dipercayai digunakan bagi menjalankan kerja pemunggaran stok

makanan sejuk beku berkenaan.

"Semua yang dirampas diserahkan kepada pihak Jabatan Veterinar Sarawak untuk tindakan dan siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 9 (1)(3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999," katanya.

Beliau berkata, sepanjang pengoperasian Op Taring Brigid Sarawak PGA yang dilaksanakan mulai 1 Januari hingga semalam, PGA Sarawak mencatatkan kejayaan rampasan bernilai RM70.4 juta dengan merekodkan sebanyak 42 kes.

"Semua kes ini membabitkan jumlah tangkapan seramai 82 individu membabitkan 65 warga tempatan dan 14 warga asing," katanya.-

[BHONLINE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR